



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA OGOS 2024

Inflasi Malaysia pada Ogos 2024 mereda kepada 1.9 peratus

PUTRAJAYA, 23 September 2024 - Inflasi Malaysia pada Ogos 2024 mereda kepada 1.9 peratus dengan mata indeks mencatatkan 133.2 berbanding 130.7 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), OGOS 2024**.

Peningkatan inflasi pada Ogos 2024 telah didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.2%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.1%) dan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (2.0%). Sementara itu, kumpulan utama lain merekodkan kenaikan di bawah kadar inflasi keseluruhan 1.9 peratus. Walau bagaimanapun, Pakaian & Kasut masih berada dalam kekal pada negatif 0.2 peratus pada Ogos 2024.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan mereda kepada 3.2 peratus (Julai 2024: 3.4%). Ini disebabkan oleh peningkatan subkumpulan utama Perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.2 peratus (Julai 2024: 4.3%). Manakala, inflasi bagi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan merekodkan kadar yang sama seperti Julai 2024 sebanyak 3.2 peratus pada Ogos 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh kelas perbelanjaan Barang kemas & jam tangan pada 17.5 peratus (Julai 2024: 18.1%).

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 1.6 peratus pada Ogos 2024, kadar yang sama direkodkan pada Julai 2024. Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat 0.3 peratus (Julai 2024: 0.3%) terutamanya disumbangkan oleh inflasi kelas perbelanjaan Sayur-sayuran yang merekodkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus (Julai 2024: 2.9%). Walau bagaimanapun, 12 jenis sayur-sayuran merekodkan penurunan adalah Tomato, Timun dan Salad.

Inflasi bagi kelas perbelanjaan Daging menurun kepada negatif 0.7 peratus pada Ogos 2024 (Julai 2024: -1.1%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar (32.6%) dalam kelas perbelanjaan Daging telah merekodkan negatif 2.2 peratus (Julai 2024: -2.7%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada Ogos 2024 adalah RM10.15 sekilogram berbanding RM10.21 sekilogram pada Ogos 2023 (Julai 2024: RM10.35). Manakala, purata harga Ayam standard di peringkat Semenanjung Malaysia pada Ogos 2024 adalah RM9.27 sekilogram berbanding RM9.52 sekilogram pada Ogos 2023 (Julai 2024: RM9.53).

Inflasi kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur juga mencatatkan peningkatan 0.1 peratus pada Ogos 2024 (Julai 2024: -0.2%). Antara subkelas perbelanjaan yang mendorong kepada kenaikan ini adalah Lain-lain susu & krim yang meningkat 1.0 peratus berbanding 1.4 peratus pada Julai 2024. Di samping itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat 3.1 peratus berbanding 3.2 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang merekodkan peningkatan pada Ogos 2024 ialah adalah Nasi putih, Makanan berasaskan mi dan Nasi goreng.

Selain itu, inflasi Pengangkutan meningkat 1.3 peratus pada Ogos 2024 berbanding 1.2 peratus pada Julai 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.8 peratus pada Ogos 2024 (Julai 2024: 1.8%). Antara item yang merekodkan kenaikan ialah Diesel dan Petrol tanpa plumbum RON97. Pada Ogos 2024, purata Harga Diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM3.27 seliter berbanding RM2.15 seliter pada Ogos 2023 (Julai 2024: RM3.35/liter). Manakala, bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan harga kekal pada RM2.15 seliter.

Di samping itu, purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 pada Ogos 2024 adalah RM3.47 seliter berbanding RM3.37 seliter pada Ogos 2023 (Julai 2024: RM3.47/liter).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 1.9 peratus. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.3%), Pahang (2.8%), Sarawak (2.5%) dan Selangor (2.3%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan dalam inflasi Makanan & Minuman. Kadar tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 2.8 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (2.7%), Sarawak (2.0%), Pahang (1.9%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (1.8%) dan Terengganu (1.6%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 1.6 peratus pada Ogos 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Ogos 2024 merekodkan kenaikan 0.1 peratus, kadar yang sama seperti Julai 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.2%) dan Kesihatan (0.2%). Sementara itu, inflasi teras masih kekal 1.9 peratus pada Ogos 2024, kadar yang sama sejak April 2024. Peningkatan ini didorong oleh kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.2%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.9%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (3.5%), Filipina (3.3%), Indonesia (2.1%) dan Republik Korea (2.0%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding China (0.6%) dan Thailand (0.4%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Isnin, 23 September 2024**

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
23 SEPTEMBER 2024**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 23 September 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - Ogos 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Ogos 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Ogos 2023 - Ogos 2024




Carta 3

Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Ogos 2023 – Ogos 2024




Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Julai 2024 & Ogos 2024




Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat $\leq 10\%$, Julai 2024 & Ogos 2024



Carta 6

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Ogos 2023 - Ogos 2024




Nota: *Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 23 September 2024


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Julai 2024 & Ogos 2024



Carta 8


Inflasi bagi Makanan & Minuman, Ogos 2023 – Ogos 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 23 September 2024

Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, Julai 2024 & Ogos 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Julai 2024 | Ogos 2024

Carta 10


Inflasi bagi Negara Terpilih, Ogos 2023 – Ogos 2024




Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA AUGUST 2024

Malaysia's inflation in August 2024 eased to 1.9 per cent

PUTRAJAYA, 23 September 2024 - Malaysia's inflation in August 2024 eased to 1.9 per cent with the index points stood at 133.2 as against 130.7 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), AUGUST 2024**.

The increase of inflation in August 2024 was driven by the incline in the main groups of Restaurant & Accommodation Services (3.2%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.2%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.1%) and Recreation, Sports & Culture (2.0%). Meanwhile, other main groups recorded an increase rate below the overall inflation rate of 1.9 per cent. However, Clothing & Footwear remained at negative 0.2 per cent in August 2024.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that inflation for Restaurant & Accommodation Services eased to 3.2 per cent (July 2024: 3.4%). This was due to the increase in the main subgroup of Beverage preparation services to 4.2 per cent (July 2024: 4.3%). Meanwhile, the inflation for Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services recorded the same rate as July 2024 at 3.2 per cent in August 2024. The incline was contributed by the expenditure class of Jewellery & watches at 17.5 per cent (July 2024: 18.1%).

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight increased by 1.6 per cent in August 2024, the same rate as recorded in

July 2024. The main subgroup of Food at home increased by 0.3 per cent (July 2024: 0.3%) mainly due to the incline in the expenditure class of Vegetables which recorded an increase of 2.2 per cent (July 2024: 2.9%). However, 12 types of vegetables recorded a decline namely Tomato, Cucumber and Lettuce.

Inflation for the expenditure class of Meat declined to negative 0.7 per cent in August 2024 (July 2024: -1.1%). Chicken as the largest component (32.6%) in the expenditure class of Meat recorded a negative 2.2 per cent (July 2024: -2.7%). Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for August 2024 was RM10.15 per kilogramme as compared to RM10.21 per kilogramme in August 2023 (July 2024: RM10.35). Meanwhile, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for August 2024 was RM9.27 per kilogramme as compared to RM9.52 per kilogramme in August 2023 (July 2024: RM9.53).

The expenditure class of Milk, other dairy products & eggs also recorded an increase of 0.1 per cent in August 2024 (July 2024: -0.2%). Among the expenditure subclass that contributed to the incline were Other milk & cream that increase 1.0 per cent as compared to 1.4 per cent in July 2024. Besides, the main subgroup of Food away from home increased by 3.1 per cent as compared to 3.2 per cent in the previous month. Among the items that recorded an increase in August 2024 were Plain rice, Food made from noodles and Fried rice.

Furthermore, inflation for Transport increased by 1.3 per cent in August 2024 as compared to 1.2 per cent in July 2024. The increase was contributed by the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased to 1.8 per cent in August 2024 (July 2024: 1.8%). Among the items that recorded an increase were Diesel and Unleaded Petrol RON97. In August 2024, the average price for Diesel in Peninsular Malaysia was at RM3.27 per litre as compared to RM2.15 per litre in August 2023 (July 2024: RM3.35/litre). Meanwhile, for Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan the price remains at RM2.15 per litre. In addition, the average price of Unleaded petrol RON97 in August 2024 was RM3.47 per litre as against RM3.37 per litre in August 2023 (July 2024: RM3.47/litre).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 1.9 per cent. However, four states recorded increases above the national inflation level namely Pulau Pinang (3.3%), Pahang (2.8%), Sarawak (2.5%) and Selangor (2.3%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages. The highest rate was recorded by Selangor at 2.8 per cent, followed by Pulau Pinang (2.7%), Sarawak (2.0%), Pahang (1.9%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (1.8%) and Terengganu (1.6%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 1.6 per cent in August 2024.

The overall monthly inflation for August 2024 recorded an increase of 0.1 per cent, the same rate as recorded in July 2024. The increase was mainly driven by Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.2%) and Health (0.2%). Meanwhile, core inflation remained at 1.9 per cent in August 2024, the same rate since April 2024. The increase was due to Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.2%) and Restaurant & Accommodation Services (3.2%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (1.9%) was lower than inflation in Vietnam (3.5%), Philippines (3.3%), Indonesia (2.1%) and Republic of Korea (2.0%). However, the rate was higher than China (0.6%) and Thailand (0.4%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 23 September 2024


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
23 SEPTEMBER 2024**

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - August 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to August 2024

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, August 2023 - August 2024




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, August 2023 – August 2024




Chart 4 Inflation by Quadrant, July 2024 & August 2024




Chart 5 Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, July 2024 & August 2024





Chart 6 Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, August 2023 – August 2024



Note: * Average price of Diesel in Peninsular Malaysia

Chart 7

Inflation by Main Group, July 2024 & August 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, August 2023 – August 2024





Chart 9

Inflation by State, July 2024 & August 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

July 2024 | August 2024

Chart 10

Inflation of Selected Countries, August 2023 – August 2024





Chart 11

Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit